

**DRAF TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LIPIS
PADA 1 NOV. 2011, JAM 10.00 PAGI
DI DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
MAJLIS DAERAH LIPIS, PAHANG**

***DISEDIAKAN OLEH
UNIT RANCANGAN PEMBANGUNAN KUANTAN
OKTOBER 2011***

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATO' KETUA PENGARAH
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

- Yang Dihormati Dato' Ho Khai Mun, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Negeri Pahang merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
- Yang Dihormati Dato' Mohd. Noor bin Abdul Rani, Pegawai Daerah Lipis merangkap YDP Majlis Daerah Lipis,
- Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang,
- Yang Hormat Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur kehadiran Allah swt kerana dengan izin dan nikmatNya dapat kita bersama menyempurnakan majlis Tempatan Daerah Lipis pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya, sebagai Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia, dan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan merasa berbesar hati di atas pencapaian di Negeri Pahang dimana dengan siapnya Rancangan Tempatan Daerah Lipis, maka lengkaplah perancangan di Negeri ini yang mana semua daerah telah mempunyai rancangan tempatan masing-masing. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri serta Majlis Daerah Lipis dan telah dapat mengadakan Program Publisiti ini.

Penglibatan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Kementerian dan Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Lipis sekali lagi membuktikan komitmen yang berterusan jabatan untuk menyediakan Rancangan Pemajuan khususnya Rancangan Tempatan Daerah di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan ke arah melaksanakan sistem pengurusan, pelaksanaan dan pengawalan selia pembangunan di kawasan mereka. Rancangan Tempatan Daerah ini telah disediakan mengikut ketetapan perundangan yang terkandung di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mana ia perlu dipublikasikan dan diwartakan.

Proses ini adalah untuk menjamin ketelusan dalam amalan pentadbiran dan perancangan pembangunan negara serta mengutamakan rakyat sebagai pelanggan. Ia selari dengan dasar negara iaitu rakyat didahulukan. Oleh itu, pelbagai mekanisme penyertaan awam yang dibuat seperti publisiti, hebahan radio, iklan akhbar, 'focus group discussiion' dan dialog. Suasana di forum yang seperti inilah membolehkan setiap lapisan penduduk berpeluang berinteraksi secara ilmiah antara satu sama lain bagi mencapai matlamat membangunkan negeri dengan tujuan mengambilkira kepentingan semua pihak.

Hadirin yang dihormati sekalian

Dalam Rancangan Malaysia Ke 10 , Rancangan Tempatan Daerah sebagai salah satu rujukan perancangan telah mengorak selangkah ke hadapan lagi berikutan pendekatan baru yang telah disarankan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Pendekatan terbaru UPE, JPM yang menghendaki setiap kementerian merujuk kepada Rancangan Pemajuan khususnya Rancangan Tempatan Daerah bagi tujuan penyelarasan tapak untuk pelaksanaan projek-projek awam telah meningkatkan martabat RTD dan profession perancangan ke tahap yang lebih membanggakan

Perancangan tapak yang teratur dan tepat di lokasi yang terbaik merupakan intipati penting dalam memenuhi hasrat rakyat dan memastikan rakyat mendapat pulangan terbaik dari pembangunan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Pendekatan seperti ini bertujuan untuk mengurangkan masalah yang berkaitan dengan tapak projek yang mana kadang kala mengambil masa yang lama untuk di selesaikan. Oleh itu, pendekatan seperti ini dapat membantu dalam merealisasikan 'Pencapaian Di Utamakan' bila mana tapak yang diperlukan telah diambil kira dalam perancangan yang dibuat diperingkat yang lebih awal lagi.

Hadirin yang dihormati sekalian

Berdasarkan pada Laporan RMKe 10, kerajaan telah berhasrat untuk memberi fokus kepada penggunaan sumber yang cukup, mewujudkan bandar-bandar yang menarik, padat, memperbanyakkan kawasan hijau, membangunkan 'waterfront', meningkatkan aksesibiliti kepada perumahan berkualiti dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa Draf Rancangan Tempatan Daerah Lipis telah pun mengambilkira semua ini dalam Strategi Pembangunan bagi menjadikan Daerah Lipis antara bandar yang maju dalam negeri ini.

Diantara Strategi pembangunan yang disenaraikan termasuklah:

- Membangunkan kawasan perbandaran lebih menarik dan sejahtera.
- Meningkatkan sistem pengangkutan dan aksesibiliti Daerah Lipis secara bersepadu supaya dapat menyokong pertumbuhan pusat-pusat perkhidmatan , kawasan luar bandar dan bandar.
- Mewujudkan kualiti kehidupan yang lebih selesa dan taraf hidup yang lebih tinggi yang melibatkan penyediaan perumahan yang berkualiti (seperti di Bukit Kerani, Bukit Bius), kemudahan awam seperti IPTA di Bukit Sarang, Kg. Atong, rekreasi dan kawasan hijau di Benta, Padang Tengku, Sg. Koyan, Sg. Yu dan lain-lain.

- Mempertingkatkan asas ekonomi Daerah Lipis supaya lebih berdaya maju melalui pelancongan, perindustrian, perniagaan dan sektor infrastruktur.

Bagi memelihara keistimewaan Daerah Lipis dalam bidang pelancongan, kajian juga turut mencadang pelan pengurusan dan pengawasan alam sekitar. Ini termasuklah melindungi Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap 1 dan Hutan Simpan Kekal yang melibatkan kawasan air terjun di Hutan Lipur seperti Taman Rimba Kenong, Taman Negara Pahang , Sg. Relau dan lain-lain. Selain itu, bagi meningkatkan kualiti hidup, beberapa projek rekreasi berkaitan gua-gua dicadangkan untuk penambahbaikan termasuk juga rekreasi berteraskan eko seperti Hutan Lipur Terenggun dan lain-lain.

Selain itu, projek-projek berteraskan pertanian juga dicadangkan seperti taman kekal pengeluaran makanan, pembangunan tanah terbiar, projek-projek perikanan, tanaman buah-buahan dan lain-lain. Semua ini dibuat sebagai usaha berterusan dan komitmen yang jitu dalam usaha untuk meningkatkan kemasukkan pelaburan ke daerah ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

Kepentingan perancangan dalam pembangunan tidak boleh dipandang mudah, apatah lagi sejak kebelakangan ini kita berhadapan dengan pelbagai isu seperti perubahan cuaca (climate change), isu banjir, tanah runtuh, masalah sosial dan sebagainya.

Sehubungan itu, fokus perancangan kita pada masakini dan masa hadapan perlu menjurus ke arah bidang berikut :

- a. **Kearah Negara Berpendapatan Tinggi, Bidang Keberhasilan Negara (NKRA)**
- b. **Perancangan Bagi Menghadapi Isu Alam Sekitar, perubahan cuaca, geo bencana dan teknologi hijau**
- c. **Struktur Bandar Mampan.**
- d. **Jaminan Bekalan Makanan**
- e. **Pelancongan Mampan**
- f. **Teknologi Baru**

Program perancangan jabatan pada tahun-tahun ke hadapan, akan menumpukan kepada kajian Rancangan Kawasan Khas dan Rancangan Tempatan Pengubahan yang akan disediakan dalam masa yang lebih singkat. Ini bertujuan untuk bergerak selari dengan rentak pembangunan ekonomi negara yang lebih berdayamaju, pantas dan efisien. Pelan pelan pembangunan akan menjurus kepada pelan pelan

pelaburan dan menyokong kepada pelaksanaan dalam masa terdekat. Pendekatan yang berdayalaksana dan mesra pengguna akan dipersembahkan dalam penyediaan Rancangan Pemajuan masa depan.

Adalah diharapkan dengan pendekatan yang berfokus yang diambil ini akan dapat merealisasikan pencapaian matlamat utama Model Ekonomi Baru dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat pada tahun 2020 dan seterusnya mengeluarkan rakyat dari belunggu kemiskinan. Kita perlu sedar bahawa dalam keadaan apa pun, pembangunan ekonomi amat penting dan untuk mencapai kejayaan kita perlu bersaing dengan pihak-pihak lain. Oleh itu, kita perlu bertindak secara berpasukan dan berterusan.

Sehubungan itu, saya menyeru semua pihak supaya mengambil Rancangan Tempatan ini sebagai dokumen perancangan semua jabatan untuk diterimapakai dan dilaksanakan. Semua pihak boleh merujuk rancangan ini dalam pengurusan dan perancangan pembangunan sektor masing masing dalam rangka kita semua menyumbang bagi membangun daerah Lipis menuju pembangunan yang diinginkan.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Majlis Daerah Lipis dan semua Jabatan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan serta orang ramai di atas sumbangan dalam menjayakan kajian serta publisiti Draf Rancangan Tempatan Daerah Lipis ini.

Sekian, terima kasih.